



## PEKELILING PESURUHJAYA TANAH, NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

### BILANGAN 4/1968

*Notis Ganti Penyerahan (Substituted service)  
Di Bawah Seksyen 432 Kanun Tanah Negara*

Pekeliling Pesuruhjaya Tanah, Negeri-negeri Tanah Melayu Bil. 2/68 bertarikh 23hb September 1968, adalah menerangkan cara-cara bagi menyerahkan Notis di bawah seksyen 254(1) Kanun Tanah Negara kepada Penggadai dengan cara Notis Ganti Penyerahan (Substituted Service) di bawah seksyen 432 Kanun Tanah Negara. Selain daripada Notis 16D (Notis Kemungkinan Berkenaan Dengan Gadaian) di bawah seksyen 254 itu, ada lagi Notis-notis yang juga harus berkehendakkan Notis Ganti Penyerahan (Substituted Service) di bawah seksyen 432 sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini:

- (i) Borang 16<sub>E</sub> (Seksyen 255) – Tuntutan Bayaran Wang Pokok (Demand For Payment Of A Principal Sum);
- (ii) Borang 16<sub>J</sub> (Seksyen 272) – Notis Mengambil Milik: Dengan Cara Menerima Sewa (Notice Of Entry Into Possession: By Receiving Rents);
- (iii) Borang 16<sub>K</sub> (Seksyen 272) – Notis Mengambil Milik: Dengan Cara Menduduki (Notice Of Entry Into Possession: By Going Into Occupation).

2. Peraturan bagi Notis Ganti Penyerahan atas perkara-perkara yang tersebut di atas adalah serupa juga sebagaimana yang diterangkan dalam perenggan 3 dan 4 dalam Surat Pekeliling No. 2/68. Surat Pekeliling ini ialah sebagai sambungan kepada Surat Pekeliling No. 2/68, untuk panduan tuan.

H.J. ABDUL RAHMAN BIN MOHD SALLEH  
*Pesuruhjaya Tanah,  
Negeri-negeri Tanah Melayu*

P.T.TM 38/66(75)

Kuala Lumpur,  
17hb Oktober, 1968